



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Lada Sarawak Menjulangi Prestasi Pertumbuhan Ekonomi dan Sektor Pertanian Malaysia

HJH NURNAZIRAH BT JAMADIN
Fakulti Pengurusan & Perniagaan (FPP)
UiTM Samarahan, Sarawak

Emel: irah@uitm.edu.my

Industri lada merupakan salah satu komoditi penting dalam sektor Agrikomoditi dalam industri pertanian di Malaysia. Industri ini di pelopori oleh pekebun-pekebun kecil yang memainkan peranan penting dalam menyumbang pertumbuhan ekonomi negara. Di peringkat pasaran antarabangsa, Malaysia berada di kedudukan kelima sebagai pengeluar lada terbesar di dunia. Dalam sesi pembentangan Bajet 2023 negeri Sarawak bertempat di Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak baru – baru ini, destinasi utama eksport diperluaskan lagi ke negara luar seperti Jepun, Vietnam, Taiwan dan Korea Selatan. Selain itu, lada Sarawak juga mendapat permintaan yang tinggi di kalangan industri makanan dan hospitaliti terutamanya dari negara lain seperti Amerika Syarikat, China dan Singapura. Ini menunjukkan, permintaan lada Sarawak di negara luar semakin mendapat tempat di pasaran asing.



Disebabkan keunikan rasa dan kualiti yang tinggi lain dari yang lain lada Sarawak telah mendapat pengiktirafan sebagai lada terbaik di pasaran global. Beberapa pasaran asing seperti Perancis telah mengiktiraf status lada Sarawak sebagai *Protected Geographic Indication* (PGI). Kedudukan geografi Sarawak di pulau Borneo memberikan iklim yang sempurna, tanah subur untuk penanaman lada serta bebas dari penggunaan baja dan bahan kimia yang

berbahaya menjadikan lada Sarawak adalah antara lada organik yang lebih selamat berbanding dengan pengeluaran lada dari tempat lain. Disamping itu, Kawasan penanaman lada di Sarawak yang beriklim tropika, kekerapan hujan yang tinggi menjadikan kelembapan tanah yang tinggi cukup untuk menjadikan persekitaran yang ideal untuk pokok lada berkembang dengan subur. Faktor-faktor ini menyumbang kepada perkembangan buah lada yang sihat dan kaya dengan aroma.

Keadaan iklim dan tanah yang optimum di Sarawak mencipta persekitaran yang sesuai untuk penanaman lada yang berkualiti tinggi. Lada Sarawak ini dituai dari



bulan April hingga September dengan kemuncaknya pada bulan Mei dan Jun. Melalui kaedah pertanian tradisional, kawalan kualiti ketat, amalan pertanian mampan dan penjagaan yang teliti ini menjadikan tanaman lada Sarawak bebas penyakit serta bebas bahan kimia.

Merujuk kepada Laporan Belanjawan Sarawak 2023 dan laporan *International Pepper Community*(IPC), jumlah pengeluaran lada negara mencatatkan pertumbuhan yang ketara berikutan hasil peningkatan produktiviti. Pengeluaran lada mencapai 30,804 tan

pada tahun 2020 berbanding 24,227 tan pada tahun 2010. Hasil pengeluaran per hektar telah meningkat dari 6.4 tan per hektar daripada 4.4 tan per hektar pada tahun 2010. Laporan belanjawan Sarawak 2023 juga melaporkan pada tahun 2021 industri lada Sarawak menyumbang sebanyak 90 peratus daripada sumbangan RM202 bilion industri lada Malaysia dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Manakala pada tahun 2022 jumlah pengeluaran eksport lada Sarawak ialah 8097 tan metrik yang bernilai RM151.2 juta. Ini menunjukkan nilai eksport dan permintaan bagi lada Sarawak meningkat dari semasa ke semasa. Dari segi nilai pasaran pula, harga lada Sarawak pada ketika ini adalah stabil pada purata RM13000 setan metrik pada lada hitam dan RM23,300 setan metrik bagi lada putih. Nilai harga pasaran ini dijangka meningkat kepada RM15,000 hingga RM17000 setan metrik bagi lada hitam dan nilai harga lada putih pula dijangka meningkat pada jajaran RM25000 hingga RM26000 setan metrik pada tahun ini. Peningkatan harga lada Sarawak ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan terutamanya kepada 37,484 pekebun kecil yang mengusahakan tanaman lada Sarawak.

Secara keseluruhannya, permintaan yang tinggi dari pasaran global telah menjadikan nilai komoditi lada Sarawak sebagai komoditi yang bernilai tinggi dan memberikan sumbangan yang amat penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Industri lada telah menjadi salah satu sektor penting dalam pemacuan ekonomi negara. Kejayaan lada Sarawak dalam pasaran global telah membawa pulangan pelaburan yang lumayan kepada perkembangan ekonomi. Pertumbuhan industri lada di Sarawak memberikan pelbagai manfaat kepada ekonomi negara. Dengan permintaan yang tinggi dari pasaran global, pertanian lada telah mencipta peluang pekerjaan yang berjumlah ribuan untuk masyarakat tempatan, meningkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat. Peluang ini juga memberikan sumbangan penting kepada peningkatan pendapatan rakyat dan menjana ekonomi tempatan dikalangan masyarakat setempat terutamanya kepada petani dan pengusaha lada tempatan.

Kejayaan lada Sarawak telah mewujudkan saluran perdagangan yang mantap. Ekspot lada Sarawak telah memberikan pendapatan yang besar dan keuntungan kepada negara. Kini lada Sarawak merupakan salah satu komoditi ekspot utama Malaysia serta menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang dikenali sebagai pengeluar lada antara yang terbesar di dunia. Peningkatan permintaan lada Sarawak di pasaran global telah memberikan kesan positif kepada nilai eksport Malaysia. Ekspot lada Sarawak telah membantu meningkatkan pendapatan negara dan memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Penggunaan lada Sarawak yang meluas di industri

makanan telah memberikan impak positif kepada pertumbuhan sektor tersebut. Rempah ini menjadi kegemaran dalam pelbagai hidangan dan makanan di seluruh negara. Penggunaan lada Sarawak yang meluas di pelbagai sektor terutamanya industri makanan dan hospitaliti juga akan menjadi tarikan kepada industri pelancongan domestik dan antarabangsa dengan manrik jumlah pelancong tempatan dan luar negara untuk mengunjungi Malaysia.



*Ladang lada di Kampon Stass, Bau, Sarawak.
Sumber foto: International Pepper Community (IPC)*

Komitmen dan dedikasi para petani lada Sarawak serta sokongan penuh kerajaan dalam memajukan sektor pertanian telah mewujudkan kejayaan ini. Pelaburan dalam penyelidikan dan peningkatan teknologi dalam penanaman dan pemprosesan lada juga telah memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kualiti dan produktiviti lada Sarawak. Dengan sumbangan yang ketara terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia, lada Sarawak terus menjadi pemangkin utama dalam sektor pertanian negara. Kejayaannya dalam pasaran global, peluang pekerjaan yang dihasilkan, sumbangan terhadap eksport Malaysia, serta perkembangan industri makanan dan hospitaliti semuanya memperkukuhkan peranan penting lada Sarawak dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Melalui kedudukan yang tinggi dipasaran asing, Malaysia terus menonjol sebagai pengeluar lada terkemuka di dunia dan memperoleh manfaat ekonomi yang besar. Keunikan dan keistimewaan lada Sarawak menjadi aset berharga negara dalam memperluas peluang perniagaan dan memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam ekonomi global.

**merupakan pandangan peribadi penulis*